ILMU BUAT DUIT DALAM DUNIA EMAS

Azizi Ali
MBA ChFC

TRUEWEALTH
Making You Better

Dapatkan petunjuk dan bimbingan secara
peribadi daripada Mentor Jutawan #1 Malaysia.
Sertai program Inner Circle sekarang!

www.InnerCircle.my

Diterbitkan oleh True Wealth Sdn Bhd
Tel: 03-7880 1051
Faks: 03-7880 8051
Emel: info@MillionairesPlanet.com
Laman Web: www.MillionairesPlanet.com

Hak cipta © 2017 oleh Azizi Ali

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Edisi Pertama

10 9 8 7 6 5 4 3 2 1
19 18 17

Buku ini dihasilkan untuk memberi pengajaran dan menyalurkan maklumat umum mengenai subjek yang dibincangkan. Ia tidak boleh dianggap sebagai mengandungi nasihat kewangan, sekuriti atau perakuan sekuriti.

Segala strategi yang digariskan dalam buku ini mungkin tidak sesuai bagi individu dan tiada jaminan dikeluarkan untuk menghasilkan satu keputusan.

Tiada jaminan dibuat berkenaan ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalam buku ini. Penulis dan penerbit secara khusus tidak bertanggungjawab terhadap apa juga liabiliti, kerugian atas risiko, perbadi mahupun sebaliknya, yang berlaku akibat, secara langsung atau tidak langsung

AZIZI ALI

RAHSIA SURAT PAJAK: ILMU BUAT DUIT DALAM DUNIA EMAS

ILMU PALING MAHAL

KANDUNGAN

TOPIK	MUKASURAT
1. PENGENALAN	6
2. SIAPAKAH TOK EMAS?	8
3. PENGENALAN TENTANG EMAS	9
4. KONSEP PELABURAN EMAS	10
5. STRATEGI KEJAYAAN DALAM BISNES EMAS	10
6. KENALI MUTU EMAS	12
7. PANDUAN HARGA UNTUK MEMBELI SURAT PAJAK DAN EMAS TERPAKAI	14
8. TENTANG PENULIS	15

1. PENGENALAN

Saya ingin membuat satu pengakuan – saya sering mendapatkan proposal perniagaan dan pelaburan daripada orang ramai. Proposal-proposal tersebut muncul boleh dikatakan setiap dua atau tiga bulan sekali! Oleh kerana saya mahu mengekalkan fikiran yang terbuka, saya sentiasa memberi peluang dan mendengar boleh dikatakan semua proposal-proposal tersebut. Malangnya kebanyakkan proposal-proposal tersebut mempunyai beberapa poin negatif yang membuatkan mereka kurang menarik. Ada yang memerlukan modal yang terlalu tinggi, ada yang memberikan pulangan yang agak rendah, ada yang berisiko tinggi, ada yang terlalu rumit dan malah ada yang salah disegi undang-undang! Jadi saya menolak boleh dikatakan 98 peratus daripada proposal-proposal tersebut.

Bagaimanapun, cerita yang amat berbeza berlaku apabila Tok Emas muncul dan menceritakan pengalamannya dalam bisnes emas.

Saya tertarik disebabkan empat perkara. Pertamanya, saiz pasaran ar-rahnu di Malaysia berjumlah RM3 billion setahun! Jadi ini bukan bisnes kecil-kecilan; malah ianya merupakan satu pasaran yang mega besar! Peserta-peserta ar-rahnu termasuklah Bank Rakyat (37% market share), YaPeim (21%), Pos Ar-Rahnu (16%), Ar-Rahnu Xchange (15%), Agro Bank (6%), Bank Islam, Bank Muamalat, Affin Bank dan RHB Islamic Bank. Fakta ini bermakna peluang untuk menjana wang adalah tinggi dan besar.

Kedua, saya sendiri sudah lama melabur dalam emas (lebih 10 tahun).

Ketiga, saya telah berkongsi ilmu emas dengan ribuan pembaca buku dan ebook serta peserta seminar saya tetapi semuanya tentang pembelian dan pelaburan, bukan tentang bisnes emas.

Keempat, hati saya tercuit kerana beliau mencerita dan membongkarkan bisnes membeli emas terpakai dan surat pajak. (Seperti ramai orang lain, saya sering melihat iklan dan flyer tentang pembelian emas terpakai dan surat pajak tetapi tak tahu bagaimana bisnes ini berfungsi. Jadi saya pun teringinlah nak tahu juga!)

Setelah mendengar keterangan daripada beliau, maka semuanya menjadi jelas. Saya bukan saja tahu bagaimana bisnes ini berfungsi tetapi lebih pentingnya mendapat ilmu baru dan tahu cara untuk buat duit dalam bisnes emas.

Oleh kerana saya berpegang kepada konsep untuk hanya berkongsikan strategi bisnes dan pelaburan yang saya lakukan sendiri, maka saya pun menjalankan bisnes ini sendiri (saya pun teringin nak jadi kaya seperti orang lain juga!). Dan Alhamdulillah, saya dengan gembiranya boleh menjeritkan kepada dunia yang “Ya, memang boleh buat duit dalam bisnes ini!”

Berita yang lebih penting dan menariknya ialah kami berdua bersetuju untuk berganding bahu untuk menghasilkan ebook ini supaya lebih ramai orang boleh buat duit dan mendapat manfaat daripada bisnes ini.

Ebook ini menerangkan konsep bisnes, faktor-faktor kritikal dalam bisnes ini, 9 tutorial untuk mengira keuntungan ketika membeli surat pajak, langkah-langkah untuk buat duit secara step-by-step, dan juga

amaran tentang kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan oleh peserta (supaya anda boleh mengelakkan kesilapan-kesilapan tersebut).

Saya perlu mengingatkan yang ebook ini ialah tentang *bisnes* emas jadi tak ada maklumat tentang *pelaburan* emas di sini. Jika anda nak tahu tentang pelaburan emas, maka anda kenalah beli audio program Rahsia Emas dan buku Masa Untuk Emas! (Ya, saya mempromosikan buku-buku saya!)

Dan oh ya, oleh kerana strateginya datang daripada Tok Emas, maka ianya dipersembahkan seperti dia yang menulis ebook ini.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, saudara saudari sekalian, selamat datang ke ebook Rahsia Surat Pajak: Ilmu Buat Duit Dalam Dunia Emas.

Baca, praktik dan buat duit!

Salam hormat.

Azizi Ali
Mentor Wang #1 Malaysia

2. SIAPAKAH TOK EMAS?

Pertamanya Tok Emas bukan atuk saya!

Cukuplah untuk saya berkata yang dia memang benar-benar wujud dan bukan saya ciptaan imaginasi saya! Beliau sudah lama berkecimpung dalam industri emas ini dan malah masih berkerja di dalamnya sehingga kini. Itulah sebab utama identiti sebenar beliau perlu dirahsiakan kerana jika identitinya dikenali ramai, besar kemungkinan dia akan kehilangan kerjanya!

Sebab kedua ialah kerana beliau seorang pemalu!

Anyway, apa pun sebabnya, saya amat berterima kasih kerana dia sanggup berkongsi ilmu bisnes ini. Kerana dia, saya mendapat lebih banyak ilmu tentang emas dan kerana dia, saya dapat menjana duit lebih daripada emas!

Jadi tunggu apa lagi?

Baca, praktik dan buat duit!

3. PENGENALAN TENTANG EMAS

Apa itu EMAS?

Senang cerita. Emas adalah logam berharga. Simpan ada nilai, jual tetap ada nilai!

Persoalannya macam mana nak buat duit dengan emas?

Apa yang Tok Emas perhatikan, sebut pasal emas, ramai orang nak ceburi bidang emas. STOP! Korang ingat jual emas macam jual tudung?

Memang tidak dapat disangkal lagi ramai yang ceburi dan ramai juga yang ke parit! Malah mereka yang hebat pun akhirnya tersungkur di kedai pajak gadai juga!

Jadi Tok hasilkan ebook ini untuk berkongsi rahsia kejayaan sebenar dalam bisnes emas ini.

“Kenapa Tok hasilkan ebook ni? Kenapa tak berjaya sorang je?” Tok dengar soalan anda!

Anda pernah dengar tak kata-kata ini? Apabila matinya anak Adam, terputus segala amalan melainkan tiga perkara: sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan doa anak yang soleh?

Jadi ebook ini ialah perkongsian ilmu yang bermanfaat daripada Tok. (Harap-harapkan yang ianya akan menjadi amalan untuk Tok!)

SEKADAR RENUNGAN

Siapa dekat sini pernah ceburi bidang emas? Beli emas, jual emas mahupun cuci mata aje?

Kalau yang baru menjual emas, berapa anda dah untung? Untung ke rugi sebenarnya? Ke hutang personal loan yang bertambah?

Tak pandai menjual atau main ikut-ikut orang je? Orang nak jual, kita nak jual juga.

Kesudahannya tak laku lalu masuk emas dalam ar-rahnu kononnya nak buat modal pusingan. Akhirnya anda juga yang menanggung beban hutang upah simpan yang berbulan-bulan. Itu belum cerita kalau barang dah kena lelong. Teknik apa korang pakai ni? Teknik reka sendiri?

Itulah bangsa kita: Nak cepat kaya tapi ilmu tak nak kuasai!

4. KONSEP PELABURAN EMAS

Semakin lama anda berada dalam dunia emas semakin banyak pengalaman yang anda akan belajar dan kesilapan yang akan anda lalui.

Perbezaan kita dengan orang lain adalah apa **ILMU** yang kita ada. Bukan berapa banyak modal yang kita ada.

Apakah konsep pelaburan emas yang sebenar?

- Konsep Pelaburan Emas adalah apabila ilmu emas yang kita kuasai berada di landasan yang betul, teknik yang betul serta kemahiran yang betul.

- Pelaburan Emas yang sebenar adalah apabila kita menjual emas tersebut pada satu masa akan datang dengan harga yang tinggi disamping perolehi keuntungan pada hasil jualan dan hasil simpanan emas kita tetap bertambah bukan berkurang.

Anda melabur emas macam mana?

Harga naik terus jual emas. Anda untung tapi simpanan emas kosong? Bila nak beli semula emas, terpaksa guna semula keuntungan yang dapat tadi untuk membeli emas dengan harga baru.

Dimana keuntungannya? Nampak tak pentingnya **ILMU** di situ?

5. STRATEGI KEJAYAAN DALAM BISNES EMAS

Strategi kejayaan sebenar dalam bisnes emas ialah dengan membeli emas dengan harga di bawah pasaran.

Seperti contoh pelaburan hartanah. Jika kita ingin mendapat keuntungan dalam masa yang singkat, strateginya bukan atas nama syarikat pemaju yang menjual hartanah tersebut. Ini adalah kerana hasil jualan tersebut sudah di *'markup'* keuntungan oleh pemaju. Strategi yang akan memberikan untung besar ialah apabila anda membeli hartanah tersebut dengan harga di bawah pasaran.

Sama juga seperti emas. Bukan terletak pada syarikat apa yang anda membeli emas tetapi bagaimana anda boleh dapatkan emas dengan harga di bawah pasaran.

Cara untuk dapatkan emas pada harga di bawah pasaran adalah dengan membeli emas terpakai, emas rosak atau bahasa kampung '*emas buruk'* selain membeli emas dari kedai pajak gadai (melalui strategi menebus surat pajak).

“Kenapa keuntungan membeli emas terpakai lebih cepat berbanding membeli emas baru?”

1. Kerana anda membeli emas di bawah harga pasaran.

2. Kerana pemborong emas akan membeli pada harga pasaran walaupun emas tersebut rosak, patah dan lain-lain untuk tujuan peleburan mereka.

REALITI YANG ANDA PERLU TAHU

Siapa dekat sini pernah fikir bagaimana kedai emas yang ternama seperti Habib, Poh Kong atau kedai emas yang biasa korang nampak buat duit?

Anda pernah tengok ke orang berbaris depan kedai emas macam nak beli nasi lemak Anak Dara? Jual emas bukan macam jual pisang goreng, brother! Dalam sejam belum tentu ada orang singgah masuk kedai. Silap-silap pagi sampai ke petang belum tentu ada jualan. Jadi dimana untungnya? Sewa kedai dalam shopping mall dekat RM10,000 sebulan, gaji pekerja lima enam orang lagi. Ilmu kalis rugi apa dia orang pakai ni?

Jawapannya ialah keuntungan sebenar kedai emas adalah di atas upah yang dikenakan di atas jualan emas tersebut.

Contoh:

Upah di atas jualan seutas rantai tangan dikenakan RM200. Jadi kalau sehari dapat jual 5 rantai tangan, maka untungnya RM1,000 sehari.

RM1,000 sehari X 30 hari = ?

Siapa nampak peluangnya di sini?

Tapi itu cerita kalau ada kedai, brother. Bagaimana dengan kita yang cuma peniaga kecil atau penjual online yang bertubuh kecil tapi berjiwa besar?

Jawapannya ialah anda boleh buat duit dalam bisnes emas dengan membeli surat pajak dan membeli emas terpakai.

6. KENALI MUTU EMAS

Untuk mereka yang betul-betul baru dalam dunia emas, berikut adalah mutu emas yang berbeza ('K' itu adalah singkatan kepada karat dan angka seperti 999 itu pula ialah tahap ketulenan emas tersebut):

Karat	Kandungan Emas (%)	Ketulenan
24	99.9	999
22	91.6	916
20	83.5	835
18	75.0	750
14	58.5	585
9	37.5	375

NOTA PERINGATAN:

- Emas tulen adalah lembut jadi logam lain seperti perak dan tembaga selalunya ditambah bagi menjadikannya lebih keras dan tahan lasak. Ini khusus sekiranya emas itu digunakan untuk perdagangan. Segala pengendalian itu akan merosakkan emas, jadi akan menjatuhkan nilainya. Ini juga menjelaskan kenapa kebanyakan barangan kemas adalah dalam bentuk 18 atau 22 karat.
- Emas putih ialah emas 18 karat, yang bermaksud ia dibuat daripada 75 peratus emas dan 25 peratus logam lain. Logam itu menjadi putih kerana ia disalut dengan rodium (logam yang keras, bersinar dan berwarna putih).
- Barangan kemas seperti gelang dan rantai buatan Malaysia mempunyai mutu kandungan emasnya dilabelkan di barangan tersebut.

CONTOH TANDA MUTU EMAS DI RANTAI TANGAN

- Barangan kemas yang dibuat di India, Pakistan, Arab Saudi dan negara-negara timur tengah TIDAK dilabelkan mutunya di barangan tersebut. Jadi susah untuk kita tahu akan mutu sebenarnya. Itulah sebabnya anda hanya boleh membelinya dengan harga emas 835 walaupun emas itu mungkin mutu 24 karat!

7. PANDUAN HARGA UNTUK MEMBELI SURAT PAJAK DAN EMAS TERPAKAI

Salah satu maklumat kritikal dalam bisnes emas ini ialah harga belian emas terpakai. Maklumat ini adalah kritikal kerana harga itulah menjadi panduan dan rujukan ketika anda membeli dan menjual emas.

Sebenarnya terdapat beberapa punca dimana anda boleh mendapatkan harganya tetapi untuk menyenangkan kerja, Tok syorkan anda menggunakan harga **My Smart Gold.** Taip http://www.mysmartgold.com.my ataupun search 'My Smart Gold' di Google dan anda akan tiba di laman web syarikat tersebut. Bonusnya ialah harga belian emas terpakai terpampang besar di laman web syarikat tersebut!

Berikut adalah contoh harga emas terpakai My Smart Gold:

CUSTOMER SELL (RM/GRAM) : Used Gold Jewellery Type* *We don't accept Gold from unknown and illegal sources*

WEIGHT	999 足金 (24k)	965 泰国 足金	950	916	22K	835 盾金 (BP)	Emas Paun 钱金	750 (18k)	585 (14k)	久金	375 (9k)
USED GOLD JEWELLERY Below 2 KG (RM / GRAM)	159	151	151	142	136	131	126	113	79	62	47

Seperti yang tertera dalam rajah ini, harga ini adalah harga 'used gold jewellery below 2 kg (emas terpakai di bawah berat 2 kg).

Sebagai contoh, harga belian syarikat untuk emas paun ialah RM126 per gm dan harga untuk emas 916 pula ialah RM142 per gm.

Oleh kerana syarikat membeli emas 916 dengan harga RM142 per gm, anda perlu tolak RM7 atau RM8 daripada harga tersebut semasa anda membuat pembelian daripada pelanggan anda untuk memastikan anda sentiasa berada dalam keadaan untung walaupun dan jika harga emas jatuh sebelum anda sempat menjual emas tersebut kepada peraih.

NOTA PERINGATAN:

- Peraih dan pemborong emas akan ambil harga (membeli emas itu) boleh katakan sama seperti harga Mysmartgold.
- Anda akan berpeluang mendapatkan harga yang lebih tinggi apabila pengalaman serta ilmu anda dalam dunia emas bertambah.

TENTANG PENULIS

Azizi Ali adalah penulis, penceramah dan mentor kewangan #1 di Malaysia.

Buku pertama beliau Jutawan Dari Planet Jupiter telah mengubah senario percetakan di Malaysia. Ianya telah dijual melebihi 300,000 naskah dan menjadi penggerak kepada seminar dan buku kewangan di Malaysia. Sejak itu, Azizi telah menulis lebih daripada 30 buah buku berkenaan kewangan dan penciptaan kekayaan. Tajuk-tajuk buku beliau yang laris di pasaran adalah Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah, Lahirnya Seorang Jutawan, Pesara Jutawan, Masa Untuk Emas, dan Maharaja Wang. Buku beliau diterbitkan di Indonesia dan juga di Brazil. Buku-buku beliau juga dijual dalam bentuk ebook di Amazon.com.

Beliau telah memberi ceramah di hadapan lebih 400,000 peserta seminar dan kerap muncul di media massa. Diantara organisasi yang telah ialah mengupah beliau ialah Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, LHDN, KWSP, CIMB, Eco-World, Tabung Haji dan Petronas.

Azizi adalah pemegang Chartered Financial Consultant (ChFC), pemegang lesen CMSRL (Capital Markets Services Representative's Licence) dan juga memegang ijazah sarjana (MBA) dari University of Bath, UK.

Resource Guide

Buku

1. **Masa Untuk Emas**
   oleh Azizi Ali

   Terjemahan daripada Get Into Gold: How to Invest in Gold Profitably while Avoiding the Traps. Paparan pengendalian pelaburan emas yang menguntungkan sambil mengelakkan kesilapan-kesilapan besar ketika melabur.

   160 muka surat ■ RM39.90



2. **Get Into Gold**
   oleh Azizi Ali

   This book shares the secrets on how to invest in the exciting and yet dangerous realms of gold. It starts with the history of gold and move on to explain the choices available for the investor.

   188 muka surat ■ RM39.90



3. **Rahsia Pelaburan Emas Dan Perak**
   oleh Jonathan Quek

   Buku Rahsia Pelaburan Emas Dan Perak kini membawa anda ke dunia yang sebelum ini tersembunyi daripada orang ramai dan juga media.

   258 muka surat ■ RM39.90



4. **Silver The New Shine**
   oleh Dr Kong Voon Sing

   Through the book, you will find a new knowledge about how silver can make the world goes around. One of the amazing truths about silver is that the demand has surpassed the supply for 16 straight years since 1990.

   134 muka surat ■ RM39.90



Powerpacks

1. Azizi Ali's OMNIBUS - Malay

1 Jutawan Dari Planet Jupiter!
1 Lahirnya Seorang Jutawan
1 Jutawan Ekstrem!
1 Jalan Pintas Kekayaan
1 Pesara Jutawan
1 Jutawan Saham
1 Mencari Maut
1 Masa Untuk Emas
eBook PERCUMA: How I Made Millions by Applying Lessons Learnt From Tun Daim

Harga asal ialah RM~~309.30~~
Tawaran khas – RM249.00 sahaja!

2. Malay Property Powerpack

1 Bagaimana Hendak Menjadi Tuan Rumah Jutawan
1 Bagaimana Hendak Menjadi Jutawan Hartanah
1 Akademi Jutawan Hartanah Untuk Pelabur Baru
1 Langsaikan Pinjaman Perumahan Anda Dalam Tempoh Lima Tahun
eBook PERCUMA: How I Made Millions by Applying Lessons Learnt From Tun Daim

Harga asal ialah RM~~149.60~~
Tawaran khas – RM119.00 only!

Sila layari **www.BookPlanet.com.my** untuk senarai penuh buku-buku yang dapat membantu anda mencapai impian anda.

.com.my
BookPlanet
an online bookstore